



14 April 2015
14 April 2015
P.U. (A) 78

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS
(PELESENAN) 2015

POSTAL SERVICES (LICENSING) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN POS 2012

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS (PELESENAN) 2015

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
LESEN

3. Permohonan bagi lesen
4. Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan lesen
5. Pembaharuan lesen
6. Penggantian lesen
7. Serah hak atau pindah hak milik lesen

BAHAGIAN III
TEMPOH DAN SYARAT LESEN

8. Tempoh lesen
9. Syarat standard lesen

BAHAGIAN IV
FI DAN REBAT

10. Fi
11. Rebat

BAHAGIAN V
PENGANTUNGAN OPERASI

Peraturan

12. Pengantungan operasi oleh pemegang lesen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PERKHIDMATAN POS 2012

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN POS (PELESENAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 100(a) dan (h) Akta Perkhidmatan Pos 2012 [*Akta 741*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pelesenan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2015.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “perkhidmatan kurier” ertinya perkhidmatan pos yang disediakan dengan cara yang cepat dengan perkhidmatan jejak dan kesan.

BAHAGIAN II

LESEN

Permohonan bagi lesen

3. (1) Permohonan bagi—

(a) suatu lesen perkhidmatan sejagat; atau

(b) suatu lesen perkhidmatan bukan sejagat bagi—

(i) lesen A untuk menyediakan perkhidmatan kurier masuk dan keluar antarabangsa dan perkhidmatan kurier domestik di Malaysia;

- (ii) lesen B untuk menyediakan perkhidmatan kurier masuk antarabangsa dan perkhidmatan kurier domestik di Malaysia; atau
- (iii) lesen C untuk menyediakan perkhidmatan kurier antara negeri di dalam Malaysia,

hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya secara bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan disertakan dengan fi permohonan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Suruhanjaya hendaklah mengemukakan permohonan bagi lesen di bawah subperaturan (1) kepada Menteri untuk kelulusannya.

(3) Bagi maksud menentukan perkhidmatan antara negeri dalam subperenggan (1)(b)(iii), Negeri dan Wilayah Persekutuan yang berikut dianggap sebagai satu negeri:

- (a) Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (b) Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Maklumat yang dikehendaki bagi permohonan lesen

4. Permohonan bagi lesen di bawah subperaturan 3(1) hendaklah disertakan dengan maklumat dan dokumen yang berikut:

- (a) butir-butir pemohon;
- (b) suatu akuan berkanun oleh ahli lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemohon yang menyatakan bahawa kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama telah dipenuhi;

- (c) pelan perniagaan yang dicadangkan;
- (d) laporan kewangan pemohon;
- (e) bukti bahawa kehendak modal berbayar minimum yang dinyatakan dalam Jadual Kedua telah dipenuhi melainkan kehendak itu diketepikan oleh Suruhanjaya; dan
- (f) dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

Pembaharuan lesen

5. (1) Permohonan bagi membaharui lesen hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya secara bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Permohonan bagi membaharui lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

- (a) fi pembaharuan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (b) suatu akuan berkanun oleh ahli lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemohon yang menyatakan bahawa kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama telah dipenuhi; dan
- (c) dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen di bawah subperaturan (1) kepada Menteri untuk kelulusannya.

Penggantian lesen

6. (1) Pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Suruhanjaya jika lesennya hilang atau rosak.

(2) Suatu permohonan bagi penggantian lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Suruhanjaya dan hendaklah disertakan dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan fi penggantian yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa kehilangan sesuatu lesen atau kerosakan kepada sesuatu lesen bukan akibat daripada apa-apa fraud atau kecuaiian, Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu lesen gantian dalam bentuk yang sama dengan lesen asal tetapi dengan perkataan "GANTIAN" diendorskan pada lesen itu.

Serah hak atau pindah hak milik lesen

7. (1) Pemegang lesen boleh membuat permohonan kepada Suruhanjaya secara bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya untuk menyerahkan atau memindahkan hak milik lesen kepada mana-mana orang lain.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) butir-butir berkaitan dengan serah hak atau pindah hak milik yang dicadangkan itu, termasuk butir-butir pemegang serah hak atau pemegang pindah hak milik yang dicadangkan itu;

(b) fi serah hak atau pindah hak milik yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; dan

(c) suatu akuan berkanun oleh lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemegang serah hak atau pemegang pindah hak milik yang dicadangkan yang menyatakan bahawa kehendak yang dinyatakan dalam Jadual Pertama telah dipenuhi.

(3) Suruhanjaya hendaklah mengemukakan permohonan bagi serah hak atau pindah hak milik di bawah subperaturan (1) kepada Menteri untuk kelulusannya.

BAHAGIAN III
TEMPOH DAN SYARAT LESEN

Tempoh lesen

8. (1) Lesen perkhidmatan sejagat hendaklah sah bagi tempoh dua puluh tahun dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(2) Lesen perkhidmatan bukan sejagat hendaklah sah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

Syarat standard lesen

9. (1) Pemegang lesen perkhidmatan sejagat hendaklah mematuhi syarat standard lesen seperti yang berikut:

- (a) pemegang lesen hendaklah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
- (b) pemegang lesen hendaklah mengekalkan sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus pegangan saham tempatan dalam syarikat;
- (c) pemegang lesen hendaklah mengekalkan pejabat berdaftar di Malaysia;
- (d) pemegang lesen hendaklah mempunyai modal kerja yang mencukupi untuk membolehkannya menjalankan perkhidmatan di bawah Akta dan lesen perkhidmatan sejagat;
- (e) lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemegang lesen hendaklah memenuhi kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

- (f) pemegang lesen hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa pertukaran pengerusi lembaga pengarah, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau apa-apa perubahan yang substantif dalam pegangan saham pemegang lesen dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan;
- (g) pemegang lesen hendaklah membayar fi tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Suruhanjaya;
- (h) pemegang lesen hendaklah memberikan perkhidmatan sejagat kepada semua pengguna di dalam Malaysia dan boleh memberikan perkhidmatan yang berikut:

 - (i) perkhidmatan pos kewangan;
 - (ii) perkhidmatan pos elektronik;
 - (iii) perkhidmatan kurier; atau
 - (iv) apa-apa perkhidmatan tambahan lain yang berhubungan dengan perkhidmatan sejagat;
- (i) pemegang lesen hendaklah mengekalkan pada setiap masa integriti perkhidmatannya;
- (j) pemegang lesen hendaklah dengan apa-apa cara menyiarkan terma dan syarat am perkhidmatannya kepada pengguna;
- (k) pemegang lesen hendaklah menyiarkan maklumat mengenai standard penghantaran dan caj perkhidmatan kurier yang ditawarkannya;

- (l) pemegang lesen hendaklah membayar balik kepada pengguna caj penghantaran yang diterima pada kadar yang ditentukan oleh Suruhanjaya jika terdapat kelewatan dalam penghantaran barangan pos melalui perkhidmatan kurier;
 - (m) pemegang lesen hendaklah melaksanakan tugas dan obligasinya selaras dengan obligasi Kerajaan di bawah konvensyen, perjanjian, pengaturan atau triti yang Malaysia menjadi pihak atau akan menjadi pihak kepadanya;
 - (n) pemegang lesen hendaklah mengeluarkan setem pos dengan perkataan "Malaysia" dicetak di atasnya;
 - (o) pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan prestasi tahunan kepada Suruhanjaya;
 - (p) pemegang lesen hendaklah mengemukakan pelan bencana kepada Suruhanjaya;
 - (q) pemegang lesen hendaklah mematuhi harga minimum bagi perkhidmatan kurier sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
- (2) Pemegang lesen bukan sejagat hendaklah mematuhi syarat standard lesen seperti yang berikut:
- (a) pemegang lesen hendaklah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
 - (b) pemegang lesen hendaklah mengekalkan pejabat berdaftar di Malaysia;

- (c) pemegang lesen hendaklah mempunyai modal kerja yang mencukupi untuk membolehkannya menjalankan perkhidmatan di bawah Akta dan lesen perkhidmatan bukan sejagat;
- (d) lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemegang lesen hendaklah memenuhi kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (e) pemegang lesen hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa pertukaran pengerusi lembaga pengarah, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau apa-apa perubahan yang substantif dalam pegangan saham pemegang lesen dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan;
- (f) pemegang lesen hendaklah memberikan perkhidmatan kurier mengikut jenis lesen perkhidmatan bukan sejagat dan boleh memberikan apa-apa perkhidmatan tambahan lain yang berkaitan dengan perkhidmatan kurier;
- (g) pemegang lesen hendaklah membayar fi tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Suruhanjaya;
- (h) pemegang lesen hendaklah mengekalkan pada setiap masa integriti perkhidmatannya;
- (i) pemegang lesen hendaklah menyiarkan terma dan syarat am perkhidmatannya kepada pengguna;
- (j) pemegang lesen hendaklah menyiarkan maklumat mengenai standard penghantaran dan caj perkhidmatan kurier yang ditawarkannya;

- (k) pemegang lesen hendaklah membayar balik kepada pengguna caj penghantaran yang diterima pada kadar yang ditentukan oleh Suruhanjaya jika terdapat kelewatan dalam penghantaran barangan pos;
- (l) pemegang lesen hendaklah tidak melanggar hak eksklusif yang diberikan oleh Menteri kepada pemegang lesen sejagat untuk mengumpul, menyalur dan menyerahkan surat kurang daripada lima ratus gram dan dengan caj kurang daripada lima ringgit bagi setiap surat tidak termasuk cukai melalui pos biasa di dalam Malaysia;
- (m) pemegang lesen hendaklah tidak melanggar hak eksklusif yang diberikan oleh Menteri kepada pemegang lesen sejagat untuk mengumpul dan menyalur surat kurang daripada lima ratus gram dan dengan caj kurang daripada lima ringgit bagi setiap surat tidak termasuk cukai melalui pos biasa ke mana-mana tempat di luar Malaysia;
- (n) pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan prestasi tahunan kepada Suruhanjaya;
- (o) pemegang lesen hendaklah mengemukakan pelan bencana kepada Suruhanjaya;
- (p) jika pemegang lesen berhasrat untuk menyerahkan balik lesennya, pemegang lesen hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada Suruhanjaya tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penyerahan balik lesen yang dicadangkan;
- (q) pemegang lesen hendaklah mematuhi harga minimum bagi perkhidmatan kurier sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN IV
FI DAN REBAT

Fi

10. (1) Fi permohonan, fi pembaharuan, fi penggantian, fi serah hak atau pindah hak milik, dan fi tahunan sesuatu lesen adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Fi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar kepada Suruhanjaya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Rebat

11. (1) Suruhanjaya boleh memberikan rebat maksimum lima puluh peratus daripada amaun fi tahunan kepada pemegang lesen sebagai insentif bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menggalakkan pencapaian prestasi tinggi dalam pemberian perkhidmatan;
- (b) untuk menggalakkan pelaburan modal untuk memodenkan rangkaian pos;
- (c) untuk menggalakkan pelaburan di kawasan luar bandar; atau
- (d) apa-apa maksud lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Permohonan rebat boleh dibuat kepada Suruhanjaya dalam apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN V
PENGANTUNGAN OPERASI

Pengantungan operasi oleh pemegang lesen

12. (1) Jika pemegang lesen ingin mengantungan operasinya, pemegang lesen hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tentang niatnya tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh pengantungan.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyatakan dalam notis pengantungan maklumat seperti yang berikut:

- (a) alasan bagi pengantungan operasinya;
- (b) tempoh pengantungan; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk memaklumkan pengguna mengenai pengantungan itu.

JADUAL PERTAMA
[Perenggan 4(b), 5(2)(b), 7(2)(c), 9(1)(e) dan 9(2)(d)]

KELAYAKAN LEMBAGA PENGARAH DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemegang lesen hendaklah pada setiap masa memenuhi kelayakan yang berikut:

- (a) kompeten untuk menjalankan tugasnya;
- (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) tidak pernah—
 - (i) dikeluarkan perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran; atau

- (ii) dikenakan mana-mana bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pencegahan jenayah; dan
- (d) tidak memegang jawatan pengarah atau terlibat secara langsung dalam pengurusan mana-mana syarikat yang telah disabitkan atas suatu kesalahan berhubung dengan kecurangan, ketidakcekapan atau amalan salah semasa tempoh jawatannya melainkan dia boleh membuktikan kepada Suruhanjaya bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizinannya dan dia tidak berada dalam kedudukan untuk mencegah kesalahan itu.

JADUAL KEDUA
[Perenggan (4)(e)]

MODAL BERBAYAR MINIMUM

<i>Jenis lesen</i>		<i>Modal berbayar (RM)</i>
Perkhidmatan sejagat		100, 000, 000
Perkhidmatan bukan sejagat	Lesen A	1, 000, 000
	Lesen B	500,000
	Lesen C	100, 000

JADUAL KETIGA

[Subperaturan 3(1), perenggan 5(2)(a), subperaturan 6(2), perenggan 7(2)(b), perenggan 9(1)(g), perenggan 9(2)(g) dan subperaturan 10(1)]

FI

<i>Butiran</i>	<i>Perihal</i>		<i>Fi (RM)</i>	<i>Masa pembayaran</i>
1	Permohonan lesen perkhidmatan sejabat		500	Apabila mengemukakan suatu permohonan
2	Pembaharuan lesen perkhidmatan sejabat		500	Apabila mengemukakan suatu permohonan
3	Yuran tahunan bagi lesen perkhidmatan sejabat		0.5% daripada perolehan tahunan yang telah diaudit atau RM1.5 juta, yang mana lebih tinggi	90 hari dari berakhirnya tahun kewangan pemegang lesen
4	Permohonan lesen perkhidmatan bukan sejabat		100	Apabila mengemukakan suatu permohonan
5	Pembaharuan lesen perkhidmatan bukan sejabat		100	Apabila mengemukakan suatu permohonan
6	Yuran tahunan bagi lesen perkhidmatan bukan sejabat	Lesen A	30,000	Apabila lesen diluluskan atau dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh kuat kuasa lesen. Kemudiannya pada tarikh ulang tahun lesen setiap tahun
		Lesen B	10,000	
		Lesen C	500	
7	Permohonan untuk serah hak atau pindah milik lesen		100	Apabila mengemukakan suatu permohonan

8	Penggantian lesen	50 setiap muka surat	Apabila mengemukakan suatu permohonan
---	-------------------	----------------------	---------------------------------------

Dibuat 9 April 2015
[KKMM/PUU 800-1/4; PN(PU2)501/III]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

POSTAL SERVICES ACT 2012
POSTAL SERVICES (LICENSING) REGULATIONS 2015

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II
LICENCE

3. Application for licence
4. Information required for application of licence
5. Renewal of licence
6. Replacement of licence
7. Assignment or transfer of licence

PART III
DURATION AND CONDITIONS OF LICENCE

8. Duration of licence
9. Standard conditions of licence

PART IV
FEES AND REBATES

10. Fees
11. Rebates

PART V
SUSPENSION OF OPERATION

Regulation

12. Suspension of operation by licensee

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

POSTAL SERVICES ACT 2012

POSTAL SERVICES (LICENSING) REGULATIONS 2015

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 100(a) and (h) of the Postal Services Act 2012 [Act 741], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Postal Services (Licensing) Regulations 2015**.

(2) These Regulations come into operation on 15 April 2015.

Interpretation

2. In these Regulations, “courier service” means postal services provided in an expedited manner with track and trace service.

PART II

LICENCE

Application for licence

3. (1) An application for—

(a) a universal service licence; or

(b) a non-universal service licence for—

(i) licence A to provide for international inbound and outbound courier service and domestic courier service in Malaysia;

- (ii) licence B to provide for international inbound courier service and domestic courier service in Malaysia; or
- (iii) licence C to provide for intra-state domestic courier service in Malaysia,

shall be made to the Commission in written form as the Commission may require and accompanied by the application fee specified in the Third Schedule.

(2) The Commission shall submit the application for a licence under subregulation (1) to the Minister for his approval.

(3) For the purpose of determining the intra-state service in subparagraph (1)(b)(iii), the following States and the Federal Territories are to be considered as a single state:

- (a) Selangor, the Federal Territory of Kuala Lumpur and the Federal Territory of Putrajaya;
- (b) Sabah and the Federal Territory of Labuan.

Information required for application of licence

4. The application for licence under subregulation 3(1) shall be accompanied by the following information and documents:

- (a) the particulars of the applicant;
- (b) a statutory declaration by the board of director and chief executive officer of the applicant stating that the qualifications specified in the First Schedule have been fulfilled;
- (c) the proposed business plan;

- (d) the financial report of the applicant;
- (e) the proof that the minimum paid up capital requirement as specified in the Second Schedule is fulfilled unless the requirement is waived by the Commission; and
- (f) any other information or documents as the Commission may require.

Renewal of licence

5. (1) An application for renewal of a licence shall be made to the Commission in written form as the Commission may require.

(2) An application for renewal of licence under subregulation (1) shall be accompanied by—

- (a) the renewal fee as specified in the Third Schedule;
- (b) a statutory declaration by the board of director and chief executive officer of the applicant stating that the qualifications specified in the First Schedule have been fulfilled; and
- (c) such other information or documents as the Commission may require.

(3) The Commission shall submit the application for renewal of a licence under subregulation (1) to the Minister for his approval.

Replacement of licence

6. (1) A licensee shall immediately report to the Commission if his licence is lost or damaged.

(2) An application for replacement of a licence shall be made in writing to the Commission and shall be accompanied by any information as may be required by the Commission and the replacement fee as specified in the Third Schedule.

(3) If the Commission is satisfied that the loss of a licence or damage to a licence is not a consequence of any fraud or negligence, the Commission may issue a replacement licence in the same form as the original but with the word “REPLACEMENT” endorsed on the licence.

Assignment or transfer of licence

7. (1) A licensee may make an application to the Commission in written form as the Commission may require to assign or transfer of licence to any other person.

(2) The application under subregulation (1) shall be accompanied by—

- (a) the particulars related to the proposed assignment and transfer, including the particulars of proposed assignee or transferee;
- (b) the transfer or assignment fee as specified in the Third Schedule; and
- (c) a statutory declaration by the board of director and chief executive officer of a proposed assignee or transferee stating that the qualifications specified in the First Schedule have been fulfilled.

(3) The Commission shall submit the application for assignment or transfer of a licence under subregulation (1) to the Minister for his approval.

PART III
DURATION AND CONDITIONS OF LICENCE

Duration of licence

8. (1) A universal service licence shall be valid for a duration of twenty years from the date of its issuance.

(2) A non-universal service licence shall be valid for a duration of three years from the date of its issuance.

Standard conditions of licence

9. (1) A universal service licensee shall comply with the standard conditions of licence as follows:

- (a) the licensee shall be a company incorporated in Malaysia;
- (b) the licensee shall maintain at least fifty one percent local shareholding in the company;
- (c) the licensee shall maintain a registered office in Malaysia;
- (d) the licensee shall have sufficient working capital to enable it to carry out its services under the Act and the universal service licence;
- (e) the board of director and the chief executive officer of the licensee shall fulfilled the qualifications specified in the First Schedule;
- (f) the licensee shall inform the Commission of any change of the chairman of the board of directors, directors, chief executive officer or any substantial change in the shareholding of the licensee as soon as practicable;

- (g) the licensee shall pay to the Commission the annual licence fee as specified in the Third Schedule;
- (h) the licensee shall provide universal service to all consumers within Malaysia and may provide for the following services:

 - (i) postal financial services;
 - (ii) electronic postal services;
 - (iii) courier service; or
 - (iv) any other additional services relating to the universal service;
- (i) the licensee shall maintain at all time the integrity of it services;
- (j) the licensee shall publish the general terms and conditions of its postal services to consumers by any means;
- (k) the licensee shall publish information on its delivery standards and charges for courier services offered;
- (l) the licensee shall refund the consumer the delivery charges received at the rate as may be determined by the Commission if there is a delay in delivery of postal article through courier services;
- (m) the licensee shall perform its duties and obligations in a manner which is consistent with the Government's obligations under the convention, agreement, arrangement or treaty to which Malaysia is a party or will become a party;

- (n)* the licensee shall issue postage stamps with the word “Malaysia” printed on it;
- (o)* the licensee shall submit its annual performance report to the Commission;
- (p)* the licensee shall submit its disaster plan to the Commission;
- (q)* the licensee shall comply with the minimum price for courier services as may be determined by the Commission.

(2) A non-universal service licensee shall comply with the following standard conditions of licence as follows:

- (a)* the licensee shall be a company incorporated in Malaysia;
- (b)* the licensee shall maintain a registered office in Malaysia;
- (c)* the licensee shall have sufficient working capital to enable it to carry out its services under the Act and the non-universal service licence;
- (d)* the board of director and the chief executive officer of the licensee shall fulfilled the qualifications specified in the First Schedule;
- (e)* the licensee shall inform the Commission of any change of the chairman of the board of directors, directors, chief executive officer or any substantial change in the shareholding of the licensee as soon as practicable;
- (f)* the licensee shall provide courier service in accordance with the type of the non-universal service licence and may provide for any other additional services related to courier service;

- (g) the licensee shall pay to the Commission an annual licence fee as specified in the Third Schedule;
- (h) the licensee shall maintain at all time the integrity of its services;
- (i) the licensee shall publish the general terms and conditions of its postal services to consumers;
- (j) the licensee shall publish information on its delivery standards and charges for courier services offered;
- (k) the licensee shall refund the consumer the delivery charges received at the rate as may be determined by the Commission if there is a delay in delivery of postal article;
- (l) the licensee shall not contravene the exclusive rights given by the Minister to a universal service licensee to collect, transmit and deliver letter less than five hundred grams in weight and with a charge less than five ringgit per letter excluding tax by ordinary post within Malaysia;
- (m) the licensee shall not contravene the exclusive rights given by the Minister to a universal service licensee to collect and transmit letter less than five hundred grams in weight and with a charge less than five ringgit per letter excluding tax to any places by ordinary post outside Malaysia;
- (n) the licensee shall submit its annual performance report to the Commission;
- (o) the licensee shall submit the disaster plan to the Commission;

- (p) if the licensee intends to surrender the licence, the licensee shall give a written notice to the Commission not later than thirty days from the date of the intended surrender of licence;
- (q) the licensee shall comply with the minimum price for courier services as may be determined by the Commission.

PART IV
FEES AND REBATES

Fees

10. (1) The application fee, renewal fee, replacement fee, transfer or assignment fee, and annual fee of a licence shall be as specified in the Third Schedule.

(2) The fee referred to in subregulation (1) shall be paid to the Commission in any manner as may be determined by the Commission.

Rebates

11. (1) The Commission may grant a maximum of fifty percent rebate of the amount of the annual licence fee to a licensee as an incentive for any of the following purposes:

- (a) to promote high postal service performance achievement;
- (b) to promote capital investment to modernize the postal network;
- (c) to promote investment in rural areas; or
- (d) any other purposes as the Commission thinks fit.

(2) An application for a rebate may be made to the Commission in any manner as the Commission may require.

PART V
SUSPENSION OF OPERATION

Suspension of operation by licensee

12. (1) If a licensee intends to suspend its operations, the licensee shall notify the Commission of its intention not less than thirty days from the date of the suspension.

(2) The licensee shall state in the notice of suspension the following information:

- (a) the reason for the suspension of its operation;
- (b) the duration of the suspension; and
- (c) the measures taken to notify the consumer of the suspension.

FIRST SCHEDULE
[Paragraphs 4(b), 5(2)(b), 7(2)(c), 9(1)(e) and 9(2)(d)]

QUALIFICATIONS OF A BOARD OF DIRECTOR AND A CHIEF EXECUTIVE OFFICER

The board of director and chief executive officer of a licensee at all times shall have the following qualifications:

- (a) competent to carry out the role;
- (b) is not an undischarged bankrupt;
- (c) has never been—
 - (i) issued an order of detention, supervision, restricted residence, banishment or deportation; or

- (ii) imposed by any form of restriction or supervision by bond or otherwise, under any written law relating to prevention of crime; and
- (d) has not held the position of a director or been directly concerned in the management of any company which has been convicted of an offence in relation to dishonesty, incompetence or malpractice during the tenure of his office unless he proves to the Commission that such offence was committed without his knowledge or consent and he was not in a position to prevent the offence.

SECOND SCHEDULE
[Paragraph (4)(e)]

MINIMUM PAID-UP CAPITAL

<i>Type of licence</i>		<i>Paid-up capital (RM)</i>
Universal service		100,000,000
Non-universal service	Licence A	1,000,000
	Licence B	500,000
	Licence C	100,000

THIRD SCHEDULE

[Subregulation 3(1), paragraph 5(2)(a), subregulation 6(2), paragraph 7(2)(b), paragraph 9(1)(g), paragraph 9(2)(g) and subregulation 10(1)]

FEES

<i>Item</i>	<i>Description</i>		<i>Fee (RM)</i>	<i>Time of payment</i>
1	Application for universal service licence		500	Upon submission of an application
2	Renewal of universal service licence		500	Upon submission of an application
3	Annual fee for universal service licence		0.5% of audited annual gross turnover or RM1.5 million, whichever is higher	90 days from the financial year end of a licensee
4	Application for non-universal service licence		100	Upon submission of an application
5	Renewal of non-universal service licence		100	Upon submission of an application
6	Annual fee for non-universal service licence	Licence A	30,000	Upon approval of licence or within thirty days from the effective date of licence. Subsequently on the anniversary of the licence every year
		Licence B	10,000	
		Licence C	500	
7	Application for transfer or assignment of licence		100	Upon submission of an application

8	Replacement of licence	50 per page	Upon submission of an application
---	------------------------	-------------	-----------------------------------

Made 9 April 2015
[KKMM/PUU 800-1/4; PN(PU2)501/III]

DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK
Minister of Communications and Multimedia